



## KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

### KENYATAAN MEDIA

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI B. YAAKOB**  
**MENTERI KKLW**

**20 JUN 2016 ~ ISNIN**

---

#### SIDANG MEDIA

#### **MESYUARAT PENYELARASAN ANTARA YB MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH DENGAN EXCO-EXCO LUAR BANDAR (MEXCLUB) BIL. 1/2016**

---

Tujuh (7) inisiatif utama dilaksanakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi mengurangkan kos sara hidup dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar.

Melalui Mesyuarat Penyelarasan Antara YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Dengan Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) Bil. 1/2016 pada petang ini, 7 inisiatif yang diberi keutamaan dan sedang giat dilaksanakan adalah:

- (i) Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang bakal memberi manfaat kepada 50,000 orang kumpulan sasar dari pelbagai agensi dengan kos pembiayaan sebanyak RM90 juta. Program ini mampu membantu kumpulan sasar untuk menjana pendapatan di antara RM500 – RM1000;
- (ii) melaksanakan program *Mobilepreneur* (Usahawan Bergerak) yang menyediakan perkhidmatan ke pintu rumah. Program ini difokuskan untuk golongan belia. Perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan automotif, elektrik, elektronik, spa dan kecantikan, gunting rambut, makanan dan minuman, penghawa dingin, jahitan, motosikal, komputer dan kek dan pastri;

- (iii) pelaksanaan program Tuisyen Rakyat@KKLW secara percuma bagi mempertingkatkan tahap penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah. Tuisyen Rakyat@KKLW akan memberi tumpuan kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kumpulan sasarannya adalah para pelajar di luar bandar yang berprestasi rendah dan daripada keluarga yang berpendapatan di bawah RM3,500.00;
- (iv) pemberian bantuan khas kepada pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas pendapatan mereka akibat kejatuhan harga getah. Bantuan ini diberikan kepada setiap pekebun kecil dan penoreh getah yang layak secara *one-off*. Bagi tahun 2016, sebanyak RM194,055,500 telah diperuntukkan untuk pekebun kecil dan penoreh getah yang layak. Jumlah keseluruhan para pekebun kecil dan penoreh getah yang telah dikenalpasti terjejas pendapatan mereka akibat kejatuhan harga getah adalah seramai 388,111 iaitu masing-masing seramai 307,770 orang pekebun kecil dan 80,341 orang penoreh getah;
- (v) mewujudkan Techno-Hub usahawan belia berpendapatan tinggi melalui inisiatif menjalankan perniagaan berasaskan ICT dan teknologi sebagai memenuhi permintaan yang tinggi ke atas produk dan alat ganti ICT melalui penubuhan MARA Digital;
- (vi) menyediakan perumahan Generasi Kedua luar bandar melalui pelaksanaan program Rumah Bina Negara oleh agensi di bawah kementerian. Agensi yang terlibat ialah KESEDAR, KEJORA, RISDA dan FELCRA Berhad. Harga rumah adalah di antara RM42,000 – RM90,000; dan
- (vii) penganjuran Karnival Usahawan Desa (KUD) sebagai platform kepada usahawan luar bandar untuk meluaskan ruang pasaran dengan mencipta peluang bagi akses pasaran produk dan perkhidmatan luar bandar kepada pengedar, pembeli dan pengguna di kawasan bandar.

## **RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKe-11)**

Menyedari bahawa RMKe-11 merupakan Rancangan Malaysia yang terakhir sebelum negara mencapai sebagai sebuah negara maju menjelang 2020, justeru itu tumpuan kementerian bukan sahaja kepada pembangunan kemudahan dan infrastruktur asas di luar bandar malahan turut ditekankan ialah pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar.

Di bawah *Rolling Plan 1 (RP 1)*, untuk tahun 2016, kementerian ini telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM5,451,257,300. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut telah diubahsuai kepada RM4,585,457,300 oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Langkah pengubahsuaian tersebut adalah disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global dan kejatuhan harga minyak yang telah memberi kesan kepada hasil negara. Bagi tahun 2016, sebanyak 592 projek telah diluluskan iaitu melibatkan 525 projek baru dan 67 projek sambung serta projek-projek tersebut kini sedang giat dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, untuk *Rolling Plan 2 (RP 2)* pula, terdapat sebanyak 730 projek telah dipohon dengan jumlah permohonan sebanyak RM9,561,340,256. Walau bagaimanapun permohonan tersebut sedang dimuktamadkan bersama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

## **TRANSFORMASI LUAR BANDAR**

Selari dengan aspirasi nasional untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat di luar bandar, **Transformasi Luar Bandar** dengan tema 'Membandarkan Luar Bandar' telah dilancarkan pada 20 November 2015.

Transformasi Luar Bandar melibatkan enam (6) bidang fokus utama bersama 19 inisiatif. Kini, inisiatif-inisiatif tersebut sedang diterjemahkan dalam bentuk program dan projek untuk dilaksanakan dalam tempoh 2016 - 2020.

Secara keseluruhannya, tumpuan program Transformasi Luar Bandar adalah melalui pendekatan seperti berikut:

- (i) memajukan luar bandar melangkaui penyediaan infrastruktur asas;

- (ii) menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan swasta, aktiviti ekonomi, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan;
- (iii) meningkatkan penyediaan kemudahan sosial tanpa menjejaskan persekitaran desa, agama, nilai-nilai murni dan budaya masyarakat luar bandar;
- (iv) memajukan masyarakat luar bandar melalui perubahan sikap dan minda, peningkatan ilmu dan kemahiran; dan
- (v) menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar.

Dalam pada itu, pada mesyuarat MEXCLUB hari ini, terdapat lima (5) kertas yang dibentangkan iaitu:

**Kertas 1:**

Program Pembangunan Orang Asli oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

**Kertas 2:**

Kerjasama Kerajaan Negeri Dalam Pelaksanaan Program Pembangunan dan Transformasi MARA oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA);

**Kertas 3:**

Program Transformasi Luar Bandar oleh Bahagian Perancangan Strategik, KKLW;

**Kertas 4:**

Pencapaian Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) oleh Unit NKRA, KKLW; dan

**Kertas 5:**

Pencapaian Mini RTC oleh Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa, KKLW

Pembentangan kertas-kertas pada hari ini memfokuskan kepada penyelesaian terhadap isu-isu pelaksanaan projek pembangunan melalui kerjasama di antara KKLW dan Kerajaan Negeri bagi memastikan proses pembangunan luar bandar berada di landasan yang betul menjelang tahun 2020.

Melalui kerjasama erat dan sokongan padu ini, Kementerian amat yakin bahawa semua projek dan program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam merealisasikan komuniti luar bandar yang global, inovatif, berkualiti dan berintegriti.

---

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

**Tel: 03-8891 5946, Faks: 03-8888 2367**

**Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)**